

No. Soalan: 54
PR-1353-L03231

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : **JAWAB LISAN**

DARIPADA : **TUAN LIEW CHIN TONG**
[KLUANG]

TARIKH : **7 November 2017**

SOALAN : **Tuan Liew Chin Tong [Kluang]** minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan apakah tindakan susulan Kementerian di dalam kes warganegara Malaysia Cheng Chau Yang dan anaknya berumur 8 tahun yang disekat daripada meninggalkan negeri China sejak Oktober 2015 dan apakah usaha Kerajaan dalam menangani kes-kes Kustodi melibatkan warganegara asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kluang atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Berhubung dengan kes yang melibatkan seorang warganegara Malaysia, Puan Cheng Chau Yang dan anak beliau yang juga merupakan warganegara Malaysia, Wang Chee Hao disekat oleh mahkamah tempatan daripada meninggalkan China sejak bulan Oktober 2015 ekoran isu hak penjagaan anak tersebut dianggap telah selesai. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, Puan Cheng Chau Yang dan anaknya telah selamat kembali ke pangkuan keluarga di Malaysia pada 4 Oktober 2017.

3. Untuk makluman Yang Berhormat, sejak kes tuntutan hak penjagaan anak ini bermula pada tahun 2014, pihak Kedutaan Besar Malaysia di Beijing dan Konsulat Jeneral Malaysia di Shanghai telah memantau kes ini dengan rapi termasuk menghadiri sesi-sesi perbicaraan di mahkamah. Pihak Konsulat Jeneral Malaysia di Shanghai juga telah mengadakan beberapa pertemuan dan perbincangan dengan Puan Cheng Chau Yang bagi mencari jalan penyelesaian dalam permasalahan ini. Beberapa surat telah turut ditulis oleh pihak Konsulat Jeneral Malaysia di Shanghai kepada pihak berkuasa tempatan untuk memastikan bahawa hak dan kebajikan Puan Cheng Chau Yang dan

anak beliau terjaga.

Tuan Yang di-Pertua,

4. Dalam hal ini, Yang Berhormat Menteri Luar Negeri sendiri telah mengadakan pertemuan dengan ahli keluarga Puan Cheng Chau Yang pada 18 Ogos 2017 untuk mencari jalan yang terbaik bagi membantu Puan Cheng Chau Yang dan anak beliau. Yang Berhormat Menteri Luar Negeri juga telah menulis surat atas kapasiti peribadi beliau kepada rakan sejawat di China bagi membantu mencari jalan penyelesaian ke atas kes ini atas dasar kemanusiaan. Surat tersebut telah dipanjangkan oleh pihak Kementerian kepada Kedutaan Besar China di Malaysia dan juga kepada Kementerian Luar Negeri China di Beijing.

5. Puan Cheng Chau Yang juga telah memberikan kerjasama penuh kepada pihak mahkamah tempatan dan tindakan ini membolehkan sekatan perjalanan tersebut diketepikan, sekaligus membenarkan beliau dan anak untuk pulang ke Malaysia. Dalam kesempatan ini, saya ingin merakamkan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam menangani isu ini.

6. Berhubung kes ini, saya ingin menekankan bahawa Kerajaan Malaysia tidak sama sekali mempertikai sistem perundangan negara China mahupun hak negara tersebut dalam urusan pengadilan kes ini, malah sentiasa menghormati keputusan yang dibuat oleh pihak mahkamah tempatan. Pendirian yang sama juga diambil oleh pihak kerajaan bagi kes-kes perebutan hak penjagaan anak yang melibatkan warganegara asing, baik di dalam mahupun di luar negara. Isu keluarga, perkahwinan dan tuntutan hak penjagaan anak setelah perceraian

139

adalah sesuatu yang bersifat domestik dan dikategorikan sebagai kes peribadi. Perkara-perkara seperti ini biasanya perlu diselesaikan sendiri oleh pihak yang terlibat melalui perbincangan keluarga ataupun melalui saluran perundangan.

7. Namun demikian, Kerajaan Malaysia dan Kementerian Luar Negeri sentiasa prihatin terhadap kebajikan setiap warganegara Malaysia di luar negara dan sentiasa bersedia menghulurkan bantuan dalam sebarang perkara tertakluk kepada kemampuan dan kapasiti serta peruntukan undang-undang yang sedia ada. Ini termasuk memantau perkembangan kes, hadir sebagai pemerhati kes di mahkamah sekiranya diminta, lawatan konsular untuk memastikan hak dan kebajikan warganegara Malaysia sentiasa terjaga dan melalui proses perundangan yang telus dan adil.

Sekian, terima kasih.